

# Factsheet CAT12

## Kategori-kategori kerja berkenaan kanak-kanak 12: kelab, persatuan, atau pergerakan

Malay | Bahasa Melayu



Kelab, persatuan atau pergerakan (termasuk dalam bidang budaya, rekreasi atau sukan, tidak kira diperbadankan ataupun tidak) dengan ramai kanak-kanak menjadi anggota atau ikut terlibat, tetapi tidak termasuk **pengaturan tidak formal (informal arrangement)** untuk keperluan sendiri atau keluarga.

### Jawatan yang dianggap kerja berkenaan kanak-kanak

Di bawah ini ada beberapa jawatan yang dianggap [kerja berkenaan kanak-kanak](#). Harap ingat, dalam semua hal, jawatan itu dianggap kerja berkenaan kanak-kanak kalau **tugas biasa (usual duties)** jawatan itu mesti ada, atau boleh dikatakan ada, **kontak (contact)** dengan seorang **kanak-kanak (child)**. Jawatan yang berkenaan termasuk:

- **Sukarelawan (volunteers)** dan pekerja kelab, persatuan, atau pergerakan yang ada kontak atau boleh dikatakan tentu ada kontak dengan kanak-kanak dalam tugas mereka yang biasa, termasuk pembimbing, jurulatih, ketua, pengurus pasukan, dan pegawai
- jurulatih sukan (kerap kali dibayar secara sambilan) yang bertugas dalam pasukan, kelab, atau persatuan untuk pertolongan cemas dan ada kontak dengan kanak-kanak yang cedera
- pekerja kantin di kelab atau persatuan yang ada kontak dengan kanak-kanak dalam tugas mereka yang biasa
- sukarelawan St John's Ambulance yang digaji untuk memberi khidmat pertolongan cemas khas secara tetap untuk kelab, persatuan atau pergerakan.

### Exemption (kelonggaran)

Ada beberapa [exemption](#) untuk kategori ini:

- sukarelawan muda – kerja yang dilakukan oleh sukarelawan bawah umur 18 tahun
- **pelajar (students)** yang menjalani latihan praktikal tidak dibayar gaji dan umurnya kurang 18 tahun
- **pelawat yang tinggal tidak lama (short-term visitors)** di WA
- kalau kanak-kanak bergiat, atau biasanya bergiat di kelab, persatuan atau pergerakan dan **ibu atau bapanya (parent)** menjadi sukarelawan di tempat yang sama, lihat [Factsheet CRW03 – Exemptions, the parent volunteer exemption](#)

- acara nasional atau jelajah nasional sekali sahaja, lihat [Factsheet CRW02 – Exemptions, one-off national events and national tours](#)
- pegawai polis yang melakukan tugas sebagai anggota WA Police.

Kalau ada soalan berkenaan kategori ini, lihat [Factsheet ORG03 – Working with Children Checks, sport and recreation](#) (WWC Check, Sukan dan rekreasi).

Makna perkataan **huruf tebal** boleh diketahui dalam glosari Working with Children Check di [www.workingwithchildren.wa.gov.au](http://www.workingwithchildren.wa.gov.au)